

Fakulti Pergigian



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PROSEDUR OPERASI STANDARD

Standard Operating Procedure [SOP]

Klinik Pergigian Bergerak UiTM

UiTM Mobile Dental Clinic

No. Versi SOP	1/2011
Disediakan oleh	Dr Nik Mazuan Rosdy Pengurus UiTM MDC Matron Juminah Talip Penyelaras Operasi UiTM MDC
Di luluskan oleh	Prof. Dr Mohamed Ibrahim Abu Hassan Dekan, Fakulti Pergigian
Tarikh di keluarkan	26 September 2011

Kandungan

A	Pengenalan	2
B	Pengurusan UiTM MDC	3
C	Tinjauan Lokasi	4
D	Urusan Serah Tugas Operasi	5
E	Tugas & Tanggungjawab	
	Pengurus	7
	Penyelaras Operasi	7
	Pembantu Penyelaras Operasi	7
	Ketua Operasi	7
	Juruteknik Elektrik	7
	Pembantu Pembedahan Pergigian	9
	Pembantu Perawatan Kesihatan	10
	Pemandu	11
F	Pengurusan Operasi	16
G	Kecemasan	18
H	Rujukan	19
I	Lampiran	
	1. Senarai Semak Tinjauan Lokasi	21
	2. Senarai semak Inventori Perkakas (a) & Peralatan (b)	22
	3. Senarai Semak Teknikal Juruteknik Elektrik	24
	4. Senarai Semak Teknikal Pemb. Pemb. P'gigian	25
	5. Senarai Semak Teknikal Pemandu	26
	6. Borang Laporan Kerosakan	27
	7. Borang Permohonan Perkhidmatan	28
	8. Senarai Nombor Telefon Penting	29
	9. Senarai Peralatan dan Perubatan Kecemasan	30
	10. Tatacara Pengendalian Kecemasan Perubatan	31
	11. Maklumat Teknikal Bas(a) dan (b)	32

Prosedur Operasi Standard ini adalah hakmilik Fakulti Pergigian UiTM.

A Pengenalan

Buku ini adalah satu medium rujukan bagi krew – krew petugas Klinik Pergigian bergerak UiTM atau *UiTM MDC* untuk menjalankan tugas dengan lebih efisien dan efektif. Bas ini perlu dijaga dan dikawal selia dengan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh fakulti. Sekiranya gagal untuk mematuhi prosedur yang telah diberi atau ditetapkan, operasi bas ini akan terganggu dan menjejaskan kelancaran operasi. Semua kakitangan yang terlibat dengan operasi UiTM MDC dikehendaki mematuhi semua arahan dan prosedur yang telah ditetapkan. Prosedur yang terkandung di dalam buku ini adalah berdasarkan beberapa sumber dari Unit Kenderaan UiTM, pembekal dan pembuat bas UiTM MDC, MEDIGATE, SKS dan chasis bas, SCANIA. Pihak Angkatan Tentera Malaysia juga telah memberi pelbagai tunjuk ajar dan latihan untuk membantu agar UiTM MDC ini beroperasi dengan lancar.

Keterangan Penting

Adalah menjadi satu tanggungjawab kepada sesiapa atau pihak yang menerima atau mengambil alih sementara Klinik Pergigian Bergerak (MDC) UiTM hendaklah sentiasa mengikut arahan dari Standard Operasi yang dikeluarkan ini. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi satu kesalahan besar kepada sesiapa atau pihak yang ingkar kepada arahan yang telah dikeluarkan ini dan akan diambil tindakan tatatertib.

B PENGURUSAN KLINIK PERGIGIAN BERGERAK (MDC UiTM)

PENGURUSAN MDC UiTM

Pengurus MDC

DR NIK MOHD MAZUAN NIK MOHD ROSDY

Penyelaras Operasi

Matron Juminah Talip

Pembantu Penyelaras Operasi

Azrin Rahayu Basri

Krew Teras & Peninjau

Pegawai Peninjau	Pn. Norashikin Salleh
Pembantu Peg. Peninjau	En. Hizwan Nizam Abd Rahman
	En Mohd Azmi Mukhtar
Juruteknologi Pergigian	En Roslan Abd Rashid
Juruteknik Elektrik	En Fadzil Mohd Nor
	En Mohd Ibrahim Soid
Juruteknologi Radiologi	Cik Azrina Mokhtar
Pembantu Pemb. Pergigian	Pn Noraishah Kamarulzaman
	Cik Siti Aishah Abd Karim
Pembantu Perawatan Kesihatan	En Hafifi bin Salleh
	En Inas bin Ibrahim
	En Mohd Shollehin bin Che Deraman
Pemandu	En Rodzi Ismail

PENGURUSAN OPERASI MDC UiTM

Ketua Operasi

Pegawai Pergigian atau Pensyarah atau Pensyarah Pelatih

Krew Operasi

Juruteknik Elektrik

Pembantu Pemb. Pergigian

Pembantu Perawatan Kesihatan

Pemandu

C TINJAUAN LOKASI

Tinjaun ke lokasi yang akan dilawati harus dilakukan oleh Pengurusan MDC UiTM melalui wakil – wakil yang dilantik (Krew Peninjau). Tujuan lawatan ini dilakukan adalah untuk:

- i. Meninjau kesesuaian lokasi untuk MDC UiTM lawati
- ii. Memastikan kawasan yang akan dilawati selamat dan boleh dimasuki oleh MDC UiTM.
- iii. Meninjau kemudahan-kemudahan di lokasi yang perlu digunakan oleh MDC UiTM
- iv. Meninjau kemudahan penginapan dan makanan bagi krew dan/atau pelajar yang bertugas

Tinjauan ini akan merujuk kepada Lampiran 1 - *Senarai Semak Tinjauan Lokasi*. Ketua Krew Tinjauan akan melengkapkan senarai semak ini dan kemudiannya menyerahkan kepada Pengurus MDC UiTM untuk tindakan seterusnya.

D URUSAN SERAH TUGAS OPERASI

Tujuan SERAH TUGAS dilaksanakan di antara pasukan PENGGUNA TERDAHULU dan PENGGUNA SETERUSNYA bagi mengenalpasti kerosakan dan kehilangan disebabkan kelalaian atau salah laku.

- a. **Ketua Operasi** MDC UiTM akan bertindak sebagai Pegawai Penyerah yang dibantu oleh krew operasi MDC UiTM kepada **Ketua Operasi** pasukan yang akan menggunakan MDC UiTM selepas itu.
- b. Pastikan semua kuantiti peralatan terlibat cukup dan sama jumlah seperti didalam inventori (LAMPIRAN 2a dan 2b). Selain itu, pastikan tiada sebarang kerosakan ke atas semua peralatan. Periksa semua peralatan tersebut jika berfungsi dengan baik dan selamat kepada pengguna. Jika pengguna meragui penggunaannya, sila rujuk buku panduan peralatan. Pastikan kakitangan yang terlibat didalam serah tugas diantara kakitangan yang bertanggungjawab dan penerima dilakukan tanpa menimbulkan sebarang masalah akan datang (semasa serahan kembali). Setiap serahan mengandungi beberapa borang / buku seperti berikut:
 - i. Senarai Semak Inventori Peralatan Pergigian (Lampiran 2a)
 - ii. Senarai Semak Inventori Perkakas Pergigian (Lampiran 2b)
 - iii. Pemeriksaan Teknikal Juruteknologi Elektrik (Lampiran 3)
 - iv. Pemeriksaan Teknikal Pemb. Pembedahan Pergigian (Lampiran 4)
 - v. Pemeriksaan Teknikal Pemandu (Lampiran 5)

C1 PENYERAHAN SEMULA OLEH PASUKAN PEMINJAM

Pasukan peminjam mesti memastikan perkara-perkara seperti berikut dilaksanakan.

- (1) Bahagian Badan luar dan dalam bas harus dibersihkan dengan sempurna.
- (2) Semua perkakas dan peralatan mudah alih dimasukkan semula ketempat asal (container) dalam keadaan selamat.
- (3) Semua peralatan pergigian dan berkaitan mestilah cukup kuantiti asalnya seperti di dalam Lampiran 2a dan 2b.
- (4) Semua maklumat rawatan dimasukkan dan ditandatangani oleh Ketua Operasi dalam Buku Log.
- (5) Dibuat penyerahan kembali di tempat yang sama (Semasa pengambilan pertama).

Jika berlaku kehilangan atau kerosakan peralatan berpunca dari kelalaian, kakitangan terbabit adalah bertanggung jawab keatas barang atau peralatan tersebut.

Perkara yang harus difahami dan diambil perhatian semasa penyerahan tugas peralatan pergigian.

- (1) Pastikan peralatan disusun teratur mengikut unit atau tempat dimana ianya di simpan mengikut jumlah yang tersenarai dalam inventori peralatan.
- (2) Pastikan Pasukan Penerima diberi taklimat oleh Pasukan Penyerah dalam mengendali sebarang peralatan yang terdapat dalam MDC UiTM tersebut untuk mengelak dari sebarang kerosakan berlaku.(Jika berkenaan sahaja)
- (3) Pastikan kedudukan asal peralatan pergigian yang telah digunakan dibersihkan dan disimpan dengan betul dan jika perlu diikat bagi tujuan keselamatan peralatan.
- (4) Seterusnya semua kakitangan yang terlibat semasa serah tugas harus menentukan semua perkara-perkara seperti berikut dipatuhi dengan jelas, difahami dan mengikut prosedur yang betul.

E Tugas dan Tanggungjawab Kakitangan

E1 TUGAS & TANGGUNGJAWAB PENGURUS OPERASI

Menjalankan semua aspek pengurusan MDC UiTM termasuk menentukan lokasi operasi dan memproses sebarang permohonan untuk perkhidmatan MDC UiTM

E2 TUGAS & TANGGUNGJAWAB PENYELARAS OPERASI

Menerima arahan dari Pengurus Operasi untuk mengendalikan perkhidmatan pergidian dengan UiTM MDC. Memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh kakitangan yang telah dilantik. Bertanggungjawab keatas keselesaan, kebersihan dan keadaan fizikal bas supaya sentiasa didalam keadaan bersih apabila diperlukan untuk beroperasi. Memastikan kakitangan yang dilantik sebagai kakitangan operasi MDC UiTM menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jawatan yang dipegang oleh mereka. Penyelaras Operasi dibantu oleh Krew Teras MDC UiTM.

E3 TUGAS & TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PENYELARAS OPERASI

Membantu Penyelaras Operasi dan Pengurus MDC UiTM di dalam semua aspek pengurusan dan operasi MDC UiTM termasuklah memastikan kakitangan operasi yang terlibat dipohon dari pihak pengurusan fakulti. Pembantu Penyelaras Operasi juga perlu menjaga inventori peralatan di dalam MDC UiTM.

E4 TUGAS & TANGGUNGJAWAB KETUA OPERASI

Ketua Operasi adalah Pegawai Pergidian Fakulti atau Pensyarah atau Pensyarah Pelatih yang dilantik bagi setiap operasi yang dijalankan oleh MDC UiTM. Ketua Operasi bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kelancaran perjalanan sesuatu operasi termasuklah pengurusan dan kawalselia kakitangan, peralatan, dan lokasi di setiap kawasan operasi.

Ketua Operasi dikehendaki berhubung terus kepada Penyelaras Operasi jika berlaku sesuatu masalah atau memerlukan bantuan semasa berada di lokasi operasi.

E5 TUGAS & TANGGUNGJAWAB KREW OPERASI – JURUTEKNIK ELEKTRIK

TANGGUNGJAWAB JURUTEKNIK ELEKTRIK SEBELUM BAS BERGERAK DAN SELEPAS MDC BEROPERASI

Juruteknik Elektrik bertanggungjawab membuat pemeriksaan berikut dan juga menggunakan borang Laporan Pemeriksaan Teknikal Juruteknik Elektrik seperti di Lampiran 3.

- Pastikan pengimbang dinaikkan
- Air didalam tangki dikosongkan

- Peralatan sokongan yang hendak digunakan semasa beroperasi adalah lengkap
- Memastikan semua peralatan unit pergigian diikat dengan kemas
- Hos tangki sisa kumbahan cecair dibersihkan dan disimpan dan diikat dengan kemas
- Pastikan kabel elektrik berada di dalam keadaan baik dan disimpan dengan kemas.

Peralatan Pergigian berkuasa Elektrik.

Semua peralatan yang menggunakan sistem elektrik mestilah mengikut prosedur yang betul seperti berikut:

- Sebelum Rawatan.** Pastikan tiada sebarang kerosakan keatas semua peralatan elektrik dan cukup kuantiti seperti didalam inventori. Uji semua peralatan tersebut adakah berfungsi dengan baik dan selamat kepada pengguna. Jika pengguna meragui penggunaannya, sila rujuk buku panduan peralatan.
- Semasa Rawatan.** Pastikan suis dikotak kawalan dibuka “on” bagi fungsi semua peralatan. Jika tiada sebarang rawatan dijalankan selama 1 jam atau berlaku litar pintas atau gangguan dari bekalan elektrik generator / TNB, tutup semua suis utama peralatan. Cabut soket plug bagi mengelakkan kerosakan komponen elektrik alat terlibat. Jika berlaku sesuatu kerosakan peralatan anda dinasihati menutup suis utama tersebut bagi mengelakan litar pintas berlaku. Seterusnya membuat laporan kerosakan melalui Borang Laporan Kerosakan (Lampiran 6) pada hari yang sama. Juruteknik Elektrik dikehendaki cuba membaiki peralatan atau kelengkapan yang rosak dilokasi jika bersesuaian, ataupun lapor kepada pembekal (jika berkenaan) bagi mengetahui jenis kerosakan awal dan tindakan selanjutnya.
- Selepas Rawatan.** Tutup suis utama peralatan terlebih dahulu, Kemudian cabut soket plug peralatan terlibat dan periksa keseluruhan peralatan sebelum prosedur penyimpanan dilaksanakan. Anda dilarang membasuh, menyembur air atau minyak ketika membersihkan sesuatu peralatan berkuasa elektrik terlibat.

Semasa rawatan dijalankan anda dilarang membuat sambungan kabel elektrik dari punca TNB ke Penyambung penerima kabel elektrik.

- Selepas Rawatan.** Matikan semua suis utama peralatan dan cabut setiap soket plug alat. Tolak semua suis Kotak Kawalan dalam kedudukan “Off”. Kemudian kunci dipusing kearah lawan jam bagi mematikan generator. Pastikan “Isolator Switch” ditukar dari GENSET kepada NEUTRAL.

Peralatan Pengepam Air dan Tangki Air.

Semua peralatan yang digunakan mestilah mengikut prosedur yang betul seperti berikut:

- a. **Sebelum Rawatan.** Pastikan anda membaca panduan cara penggunaan sistem pengisian air dan penyaluran air dari punca luar / tangki ke unit pergigian. Kemudian anda boleh membuat pilihan mengikut panduan sistem air yang ada. Pastikan tangki air diisi penuh sebelum rawatan dilaksanakan. Selain itu, pastikan “Water Filter” bersih.
- b. **Semasa Rawatan.** Gunakan “Water Pump” semasa rawatan dijalankan dengan sistem panduan air yang betul.
- c. **Selepas Rawatan.** Tutup suis utama peralatan terlebih dahulu, Kemudian cabut soket plug peralatan terlibat dan periksa keadaan fizikal luaran peralatan sebelum prosedur penutupan dibuat. Jika didapati “Water Filter” kotor sila bersihkan atau menukar kepada yang baru.

Peralatan Tangki Sisa Kumbahan.

Semua peralatan yang menggunakan sistem ini mestilah mengikut prosedur yang betul seperti berikut:

- a. **Sebelum Rawatan.** Pastikan tiada sebarang kerosakan keatas semua peralatan tersebut. Periksa kunci air kumbahan telah ditutup. Periksa saluran kesemua paip kumbahan tiada berlaku kebocoran. Pastikan saluran air kumbahan disalurkan ke longkang yang betul. Pembuangan sisa kumbahan dari bas mestilah dibuat secara harian untuk mengelakkan dari pelbagai kemudaratan.
- b. **Semasa Rawatan.** Pastikan semua penyaluran air berjalan dengan lancar. Jika terdapat kebocoran atau tersumbat, anda perlu memberitahu ketua operasi untuk memberhentikan operasi bagi memeriksa dan membaiki saluran tersebut.
- c. **Selepas Rawatan.** Sebelum air kumbahan dibuang pastikan dahulu anda membuat pembersihan tangki (alirkan air dengan kuantiti yang banyak kedalam tangki kumbahan) . Kemudiann semua air kumbahan tersebut dibuang mengikut prosedur yang betul (Kosongkan). Periksa keadaan fizikal luaran peralatan sebelum prosedur penyimpanan dilaksanakan.

E6 TUGAS & TANGGUNGJAWAB KREW OPERASI – PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN

PPP bertanggungjawab membuat pemeriksaan berikut dan juga menggunakan Borang Laporan Pemeriksaan Teknikal PPP seperti di Lampiran 4 dan Borang Inventori Peralatan dan Perkakasan (Lampiran 2a dan 2b).

Menjalankan tugas seperti yang telah disenaraikan dalam tugas hakiki

PPP yang bertugas di dalam MDC UiTM perlu memeriksa peralatan pergigian adalah mencukupi (rujuk Lampiran 2a dan 2b untuk senarai semak) sebelum di serahkan kepada PPP yang baru untuk mengambil tugas. Sebarang kehilangan atau kerosakan adalah menjadi tanggungjawab PPP yang bertugas untuk melaporkan kepada Ketua Operasi MDC UiTM atau Pembantu Penyelaras Operasi MDC UiTM.

Bahan Pergigian

Bahan-bahan pergigian yang akan digunakan didalam sebarang rawatan akan dibawa sendiri oleh PPP bertugas. Ini adalah kerana MDC UiTM tidak sesuai bagi penyimpanan semua jenis bahan. Oleh yang demikian pihak peminjam mestilah mengikut prosedur yang betul seperti berikut:

- a. **Sebelum Rawatan.** Pastikan semua peralatan dan bahan mencukupi sebelum rawatan dijalankan. Letakkan semua bahan yang hendak digunakan di laci yang betul. Bagi bahan yang disimpan sebagai bahan stok, simpan didalam bekas yang telah disediakan. PPP yang terdahulu mestilah melaporkan kepada PPP yang akan bertugas tentang keperluan bahan untuk ditambah stok.
- b. **Semasa Rawatan.** Sebarang penggunaan bahan khusus harus digunakan mengikut prosedur rawatan yang betul dan selamat.
- c. **Selepas Rawatan.** Simpan semua bahan supaya berada dalam keadaan baik dan selamat. Jika UiTM MDC berada dikampus induk, sila keluarkan bahan-bahan pergigian untuk disimpan ditempat yang sesuai. Buang 'amalgam waste' yang berada di dalam unit pergigian setiap hari selepas rawatan terakhir.

PERINGATAN

SETIAP KALI BERTUKAR PPP, SERAH TUGAS ANTARA PPP MESTI DILAKUKAN SUPAYA SETIAP KEKURANGAN BAHAN DAN PERALATAN YANG HILANG DAPAT DIKESAN LEBIH AWAL. JIKA MDC UiTM BERADA DI LOKASI JAUH DARI FAKULTI, MAKA SERAH TUGAS TERMASUK INVENTORI DIBUAT HANYA MENGGUNAKAN BORANG SERAH INVENTORI SAHAJA.

E7 TUGAS & TANGGUNGJAWAB KREW OPERASI – PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN

PRK bertanggungjawab menjalankan tugas seperti di bawah dan membantu PPP membuat pemeriksaan Inventori atau teknikal seperti di Lampiran 2a,2b dan 4.

Menjalankan tugas seperti yang telah disenaraikan dalam tugas hakiki

Sebelum Rawatan. Pastikan anda tahu kedudukan alatan bekerja anda, keselamatan alat dan cara penggunaannya. Anda dikehendaki membersihkan kesemua bahagian dalam UiTM MDC iaitu dinding, lantai, siling dan peralatan yang didapati didalam UiTM MDC. Bagi permukaan lantai anda dikehendaki menggunakan pengelap lantai dan cecair yang sesuai bagi tujuan pembersihan.

Semasa Rawatan. Menjalankan tugas seperti yang ditetapkan. Cara pemakaian semasa rawatan menggunakan Baju Gaun, Mask, Glove dan cermin mata keselamatan. Memastikan semua peralatan berfungsi, jika terdapat peralatan rosak anda dikehendaki mengambil tindakan segera dengan melapor kepada Juruteknik elektrik bertugas.

Selepas Rawatan. Sebelum proses prosedur penyimpanan dibuat. Anda perlu melakukan perkara-perkara penting seperti dibawah ini:

Bersihkan semua peralatan dengan sempurna dan kuantiti mencukupi. Terutamanya **“Dental Chair, Handpieces, Amalgamator, Suction Unit” dan Tangki Kumbahan Cecair**

Bersihkan semua bahagian dinding, lantai, tong sampah, dan sinki. Bagi Dental Chair Handpiece perlu di “Flush” dan dibubuh pelincir yang sesuai.

E8 TUGAS & TANGGUNGJAWAB KREW OPERASI – PEMANDU

Pemandu bertanggungjawab membuat pemeriksaan berikut dan juga menggunakan Borang Laporan Pemeriksaan Pemandu seperti di Lampiran 5.

Peralatan “Enjin Scania 380 K series ”. Enjin Pertama (Scania 380 12000 cc) menggunakan minyak diesel yang dibekalkan dari tangki yang berkapasiti 500 liter. Pemandu perlu memeriksa semua bahagian enjin seperti yang darahkan melalui **Lampiran 5, Borang Pemeriksaan Teknikal Pemandu**. Berikut ringkasan tugas yang perlu dilaksanakan oleh pemandu seperti berikut:

- a. **Sebelum Pergerakan.** Pastikan anda memeriksa bateri, minyak diesel, hos minyak, paras minyak injin dan paras air radiator berada dalam keadaan baik, cukup dan berfungsi dengan baik.
- b. **Semasa Rawatan.** Semasa rawatan dijalankan anda dilarang menghidupkan enjin kecuali arahan untuk enjin dihidupkan disebabkan oleh keperluan semasa.
- c. **Selepas Rawatan.** Periksa keadaan bawah enjin memastikan tiada kebocoran sebarang minyak sebelum pintu-pintu bilik enjin dikunci.

Peralatan Penghawa dingin Enjin ke 2 Hyundai 3.5cc

UiTM MDC dibekalkan aliran angin sejuk dari *Air Compressor Air Condition* Injin No 2 dimana kunci suis dikawal dikokpit pemandu. Justeru itu, pemandu/Juruteknik elektrik bertindak menghidup dan mematikan sistem fungsi *Air Condition* tersebut. Pemandu/Juruteknik elektrik mestilah mengikut prosedur yang betul seperti berikut:

a. **Sebelum Rawatan.**

Pastikan anda memeriksa bateri, minyak diesel, hos minyak, janakuasa, paras minyak enjin dan enjin berada dalam keadaan baik dan berfungsi. Pastikan kedudukan "Isolater Switch" berada dalam kedudukan Neutral. Anda dikehendaki mencatat tarikh mula bacaan meter "Hour" dan memeriksa semua kedudukan bacaan meter bateri, minjak enjin, meter Amp/Volt sebelum menghidupkan Generator. Selain itu, anda dikehendaki menjalankan generator selama 20 minit sebelum rawatan dijalankan. Kemudian baru anda menukar kedudukan "Isolater Switch" kepada GENSET. Kemudian Hidupkan semua bekalan elektrik dengan meletakkan suis "ON" bagi Kotak Kawalan Suis

b. **Semasa Rawatan.**

Pastikan pemilihan butang kawalan suhu dipilih dengan sesuai dengan keadaan suhu luar semasa.

c. **Selepas Rawatan.**

Tutup kunci suis utama peralatan terlebih dahulu, selepas semua kerja-kerja didalam bas tamat. Pastikan kunci kawalan disimpan oleh pemandu didalam almari Buku Log bagi tujuan keselamatan.

Borang Pemeriksaan Teknikal MDC UiTM untuk Pemandu seperti di buku log perkara utama yang perlu diperiksa oleh anggota Pemandu sebelum kenderaan digerakkan atau semasa parkir. Berikut adalah beberapa perkara yang perlu diperiksa oleh Pemandu :

SEBELUM BERGERAK.

- a. Periksa semua peralatan yang disenaraikan mengikut Borang Pemeriksaan Pemandu yang diberikan
- b. Setiap pemeriksaan perlu dibantu oleh Pembantu Pemandu dengan menguji semua sistem mekanikal, elektrik, hidrolik dan pneumatic didalam dan luar Bas
- c. Kebenaran bergerak kenderaan akan diberikan oleh Ketua Operasi setelah semua aspek keselamatan yang diperiksa diluluskan dengan pengesahan oleh Ketua Operasi tersebut.
- d. Pastikan Pemandu memasukan maklumat pergerakan kedalam BUKU LOG dan mendapatkan tandatangan oleh Penyelia kenderaan fakulti.

SEMASA MEMANDU

Semasa memandu kenderaan anda adalah dilarang melakukan perkara seperti berikut:

- a. Dilarang menghisap rokok.
- b. Dilarang menggunakan Handphone dengan cara bercakap atau SMS.
- c. Dilarang menonton monitor DVD kecuali imej dari kamera keselamatan Bas.
- d. Dilarang makan di tempat pemandu.
- e. Dilarang membawa kawan atau orang tidak kenali masuk kedalam tempat pemandu.
- f. Dilarang memandu laju dan tidak melebihi had 97 Km dalam keadaan jalan baik.
- g. Dilarang memandu laju semasa melalui selekoh had kelajuan adalah 40 -60 Km.
- h. Dilarang melalui jalan yang tidak berturap atau tidak rata serta terdapat halangan.

Pastikan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian yang utama seperti berikut.

- (1) Had Ketinggian Bas adalah 3.8 meter. Oleh itu pastikan sebelum memasuki terowong atau bawah Jambatan baca had ketinggian tersebut. Jika melalui jalan-jalan yang buka lebuhraya pastikan kenderaan ini boleh melalui ketinggiannya kerana terdapat halangan seperti pokok, kabel elektrik, kabel telefon atau halangan lain.
- (2) Pembantu Pemandu adalah bertugas membantu pemandu utama sebagai jurupandu arah semasa bergerak dan berhenti. Dilarang sama sekali Pembantu Pemandu tertidur sepanjang pergerakan
- (3) Tayar dan Minyak. Pemandu dikehendaki menentukan Tayar simpanan berada didalam keadaan baik sepanjang perjalanan.
- (4) Selain itu , menentukan minyak untuk MDC dan generator (Diesel) mencukupi sebelum perjalanan dan operasi dibuat.

Kemalangan.

Semasa bergerak mengikut jalanraya, kenderaan ini tidak dibenarkan memotong kenderaan ringan lain atau melanggar peraturan jalanraya kecuali atas sebab tertentu bagi mengelakan kemalangan.

Jika berlaku kemalangan,Pemandu hendaklah melaporkan kepada Unit Kenderaan dan pihak Polis setelah memaklumkan kepada Penyelia Pemandu di Pejabat Dekan. Pemandu yang berada didalam MDC UiTM akan bertanggungjawab menyediakan laporan bertulis masing-masing (Pemandu / Pegawai Peminjam) kepada Dekan Fakulti Pergigian dalam tempoh masa 24 jam.

PENTING

UiTM MDC adalah dilarang untuk memulakan pergerakan diwaktu malam iaitu selepas pukul 6 petang untuk perjalanan melebihi 100km.

Kelajuan UiTM MDC adalah dihadkan kepada 97km/j sahaja.

E9 TUGAS & TANGGUNGJAWAB UMUM KREW OPERASI

Kesemua aspek keselamatan klinik mestilah dipatuhi oleh anggota tetap dan anggota peminjam MDC UiTM setiap masa.

Oleh yang demikian semua pihak terlibat mestilah mengikut prosedur yang betul seperti berikut:

- a. **Keselamatan** . Pasukan MDC UiTM termasuk Pemandu dikehendaki menentukan keadaan luaran badan MDC UiTM dari aspek teknikal dan mekanikal berada didalam keadaan selamat dan baik bagi setiap pemeriksaan rutin harian. Ini termasuk juga perjalanan ke lokasi projek atau balik ke kampus induk. Selain itu, menentukan semua pintu-pintu telah ditutup dan dikunci untuk tujuan keselamatan tersebut sebelum bergerak ke lokasi atau semasa berada di mana-mana lokasi.
- b. **Kebersihan Kenderaan**. Pegawai Pergigian dan team MDC UiTM dikehendaki memeriksa bahagian luar dan dalam kenderaan sebelum dan tidak ada sampah di kawasan tempat pemanduan dan didalam MDC UiTM . Kerja-kerja pembersihan adalah dijalankan setiap hari dan pastikan pemandu melakukan kerja pembersihan di luar bas. Anggota dari Pasukan Peminjam dikehendaki membersihkan semua bahagian dalam MDC UiTM sebelum rawatan dan selepas rawatan tanpa ada sebarang alasan.
- c. **Merokok** Anda dan pesakit di larang merokok didalam MDC UiTM. Ini termasuk dikawasan stesen minyak.
- d **Keselamatan di lokasi**. Keselamatan MDC UiTM adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kepada Ketua Operasi sepanjang beroperasi termasuklah sebelum dan semamsa perjalanan. Ini merangkumi juga pergerakan semasa berkonvoi.
- e **Pemilihan Tapak Parkir**. Pasukan peninjau yang ditubuhkan adalah bertanggung jawab menentukan kesesuaian kawasan dan selamat bagi MDC UiTM untuk memarkir. Ini termasuk laluan masuk dan keluar dari satu lokasi ke lokasi operasi. Pemilihan tapak harus mengambil kira keadaan muka bumi dan faktor-faktor lain yang boleh menyumbang kepada kerosakan MDC UiTM.

PERHATIAN KEPADA SEMUA PENGGUNA

Semua arahan dan peraturan didalam SOP berdasarkan protokol klinikal hendaklah dipatuhi. Walaubagaimanapun SOP akan berubah mengikut keadaan dan kesesuaian semasa jika terdapat kelemahan didalamnya atau arahan dari pihak atasan. Sehubungan dengan itu, semua pengguna harus memahami semua perkara-perkara yang berkaitan dengan kerjaya, tugas, tanggungjawab, penggunaan alat dan keselamatan individu serta peralatan semasa memberi rawatan. Setiap individu harus peka dengan tanggungjawab menjaga semua aset peralatan daripada rosak akibat kecuaiannya pengguna serta keselamatan keatas semua pesakit yang dirawat.


PERINGATAN:

Pengguna MDC UiTM (pegawai pergigian) apabila ingin memulakan operasi hendaklah memastikan MDC UiTM telah berada dalam keadaan bersedia seperti semua pemasangan telah dibuat dan kata putus dari juruteknik elektrik mestilah di patuhi. Tunggu dan beri masa kepada juruteknik elektrik untuk menyelesaikan tugas mereka demi keselamatan semua orang di dalam UiTM MDC.

F Pengurusan Operasi

Permohonan Perkhidmatan UiTM MDC

Sebarang permohonan dari pihak dalaman (Fakulti/UiTM) atau luaran, hendaklah mengisi borang yang disediakan (Lampiran 7) dan ianya mengikut tatacara seperti di bawah.



Perjalanan dan Waktu Operasi UiTM MDC

Untuk perjalanan yang memerlukan kakitangan bermalam di luar kawasan (jauh dari kampus), UiTM MDC dan pasukan terlibat hendaklah bertolak sehari lebih awal sebelum tarikh operasi yang dirancang. Ini adalah untuk memberi masa kepada persiapan logistik dan kelengkapan pergigian yang perlu dibuat. Untuk operasi yang dirancang bermula dari hari Isnin hingga Jumaat; cadangan berikut harus diberi perhatian.

Hari Operasi: *Isnin – Jumaat* (Operasi 8.30am – 4.30pm; Jumaat diperuntukkan hanya untuk urusan berkemas dan pemeriksaan teknikal termasuk bas)

Hari bertolak : Ahad (sehari sebelumnya)

Hari Kembali ke kampus atau ke tempat lain: Jumaat (waktu tengahari)

Jika operasi yang dirancang tidak memerlukan kakitangan dan/atau pelajar bermalam, MDC UiTM dikehendaki bertolak pada hari pertama operasi tetapi pada waktu yang paling awal sesuai dengan masa perjalanan ke tempat operasi. Waktu pulang pula, pada hari yang sama tamat operasi.

Sekiranya perlu menghubungi mana-mana pihak untuk apa-apa tujuan, sila rujuk Lampiran 8 untuk *Senarai Nombor Telefon Penting*.

G Kecemasan

Semasa operasi dijalankan, semua aspek keselamatan haruslah dipatuhi dan semua langkah pencegahan diambil setiap masa. UiTM MDC dilengkapi dengan peralatan dan perubatan kecemasan seperti di Lampiran 9. Sekiranya berlaku sebarang kecemasan dan kecederaan, langkah-langkah seperti di Lampiran 10 perlu diikuti atau mengikuti arahan dari Pegawai Perubatan / Pensyarah Pergigian di lokasi.

Bagi aspek teknikal untuk Bas dan Perlatan, sila rujuk Lampiran 11.

H Rujukan

1. Bahagian Perkhidmatan Pergigian, Angkatan Tentera Malaysia
2. Syarikat Pembuat Kenderaan MDC UiTM, SKS
3. Syarikat Pembekal Kenderaan MDC UiTM , MEDIGATE
4. American Academy of Paediatric Dentistry
5. Indian Health Service

I Lampiran

Sila lihat mukasurat berikut

BORANG SEMAKAN TINJAUAN LOKASI

Lokasi				Tarikh Lawatan		Ketua Tinjau	
Populasi Lokasi				Program		Ahli	
Pegawai Perhubungan di Lokasi	HP		Pejabat				
				Tarikh Program			

No.	Perkara	Catatan	Kesesuaian		Kemudahan	
			Ya	Tidak	Ada	Tiada
Laluan Bas						
1	*Halangan di jalanraya (Jambatan/pokok/tiang/pintu gerbang dll)					
2	Jalanraya berturap					
3	Kedadaan Jalanraya (Rosak,berlopak dll)					
4	Kelebaran jalanraya					
5	*Had muatan jalanraya/jambatan (16 Tan)					
Tempat Letak Bas / Operasi						
6	Punca Elektrik 3 phase					
7	Punca/Sumber bekalan air					
8	Saluran kumbahan /Longkang					
9	Pancaran matahari					
10	Tanah rata					
11	Punca air (Reverse Osmosis)					
12	Kafeteria/Restoran					
13	Surau					
14	Tandas					
15	Akses Internet					
16	Sistem Siaraya					
17	Kemudahan untuk Membuang sisa klinikal					
Dewan /Bilik Operasi tambahan						
18	*Berhawa dingin /kipas					
19	Kemudahan Kerusi dan Meja					

20	Penghadang untuk privasi					
21	*Bekalan Elektrik					
22	*Bekalan Air Paip					
Kemudahan Pelajar						
23	Penginapan					
24	Makanan /kemudahan Katerer					
25	Kemudahan Dobi					
Kemudahan Kakitangan						
26	Penginapan					
27	Makanan /kemudahan Katerer					
28	Kemudahan Dobi					

Catatan:			Kesesuaian Lokasi	Ya		Tidak			
			Alasan (jika TIDAK)						
			Lokasi disyorkan	Ya		Tidak			
			Alasan (jika TIDAK)						
Nama Ketua Peninjau		Tandatangan Ketua Peninjau		Tarikh					

BORANG PEMERIKSAAN INVENTORI – PERKAKAS

**Borang ini hendaklah digunakan untuk satu lokasi sahaja*

Lokasi		Tarikh		Ketua Operasi	
--------	--	--------	--	---------------	--

NO	INSTRUMEN	Bilangan	Pemeriksaan Pertama	Pemeriksaan Kedua	CATATAN
			Tarikh	Tarikh	
1	AMALGAM CARRIER	10			
2	AMALGAM SET	14			
3	APEXSO LEVER - LEFT	~			
4	APEXSO LEVER - RIGHT	~			
5	ARTERY FORCEP - CURVE	~			
6	ARTERY FORCEP - STRAIGHT	5			
7	BURNISHER	6			
8	BURNISHER - T	5			
9	CARVER	2			
10	CLAMP SET	3			
11	CORD RETRACTOR	~			
12	COUPLAN NO 1	1			
13	COUPLAN NO 2	1			
14	COUPLAN NO 3	1			
15	CRYERS - LEFT	1			
16	CRYERS - RIGHT	1			
17	CURRETTE & GRACEY	1			
18	DYCAL APLICATOR	7			
19	ENDO SET	1			
20	E- SET	21			
21	EXCAVATOR - 125 / 126	9			

22	EXCAVATOR - 129 / 30	9		
23	EXCAVATOR - 153/154	4		
24	EXCAVATOR -212/213	8		
25	FORCEP FIG 1	2		
26	FORCEP FIG 2	2		
27	FORCEP FIG 7	2		
28	FORCEP FIG 17	2		
29	FORCEP FIG 29	2		
30	FORCEP FIG 18	2		
31	FORCEP FIG 30	2		
32	FORCEP FIG 37	2		
33	FORCEP FIG 89	2		
34	FORCEP FIG 90	2		
35	FORCEP FIG 158	2		
36	FORCEP FIG 13	2		
37	FORCEP FIG 33	2		
38	FORCEP FIG 73	2		
39	FORCEP FIG 74	2		
40	FORCEP FIG 86	2		
41	FORCEP FIG 99	2		
42	FORCEP FIG 135	2		
43	FORCEP FIG 225	2		
44	HVE SUCTION	4		
45	KIDNEY DISH SET	20		
